

**FORMAT KERTAS KERJA
PERMOHONAN PERUNTUKAN
BANTUAN KHAS
PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

KEPADA

**PERTUBUHAN
BUKAN
KERAJAAN (NGO)**

Perhatian:

Kertas kerja ini **TIDAK BOLEH** dijadikan sebagai asas kelulusan, hanya sebagai **CONTOH** kepada pihak Pertubuhan dalam menghasilkan kertas kerja yang menepati kehendak Urus Setia Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kerajaan (BK) KPWKM Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (PBK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ianya tidak boleh digunapakai untuk apa-apa tujuan selain peruntukan ini tanpa kebenaran secara bertulis daripada pihak Urus Setia.

KANDUNGAN

Bil	Butiran	Muka surat
1.	TAJUK	1
2.	TUJUAN	1
3.	LATAR BELAKANG	1
4.	OBJEKTIF	2
5.	KOMPONEN PROGRAM	3
	5.1 CADANGAN TARIKH	3
	5.2 CADANGAN TEMPAT	3
	5.3 KUMPULAN SASAR	3
	5.4 BILANGAN PESERTA	3
	5.5 BILANGAN PROGRAM	4
	5.6 KAEDAH PELAKSANAAN	4
6.	TENTATIF ATUR CARA PROGRAM	5
7.	ANGGARAN PERBELANJAAN	6
8.	FAEDAH	7
9.	KESIMPULAN	8

1. TAJUK

- a. Nyatakan tajuk kertas kerja yang ingin dilaksanakan
- b. Hendaklah mengikut bidang keutamaan yang telah ditetapkan
- c. **Contoh:**
Seminar Mencegah, Membasmi dan Menangani Gangguan Seksual Terhadap Wanita di Tempat Kerja

2. TUJUAN

- a. Nyatakan tujuan kertas kerja dihasilkan.
- b. **Contoh:**
Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mencadangkan pelaksanaan seminar mencegah, membasmi dan menangani gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

3. LATAR BELAKANG

- a. Nyatakan pengenalan, latar belakang, hubung kait dan kepentingan program yang dicadang untuk dilaksanakan dengan pihak Pertubuhan.
- b. **Contoh:**
Pada masa kini, semakin banyak pihak yang membincangkan isu gangguan seksual di tempat kerja. Isu ini turut mendapat liputan yang meluas di kalangan pihak media.

Menurut statistik kes gangguan seksual di tempat kerja yang diperolehi daripada (nama agensi), sebanyak (bilangan kes) kes telah dilaporkan dan sejumlah (bilangan kes) kes telah dibawa ke mahkamah. Daripada jumlah berikut, (bilangan kes) kes telah Berjaya disabitkan. Mengikut data yang diperolehi daripada (nama agensi), hampir (jumlah peratusan) mangsa adalah terdiri dari kalangan kaum wanita.

Menyedari peningkatan kes sebegini, maka pihak Pertubuhan (Nama Pertubuhan) menyedari tanggungjawab untuk menyebarluaskan pengetahuan berkenaan gangguan seksual di tempat kerja, faktor-faktor penyumbang, cara-cara untuk menangani, peranan serta perkhidmatan yang disediakan oleh agensi sama ada kerajaan mahupun swasta dalam membantu menangani kes gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja.

4. OBJEKTIF

a. Jelaskan objektif-objektif program yang dianjurkan.

b. **Contoh:**

Pelaksanaan program ini akan membantu pihak Kerajaan dan Pertubuhan mencapai (bilangan objektif) objektif seperti berikut:

- i. Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja wanita tentang gangguan seksual di tempat kerja.
 - Pekerja wanita perlu diberi pengetahuan dan kesedaran berkenaan kes-kes gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Ianya penting bagi membantu mereka dalam memahami situasi serta jenis-jenis perlakuan yang diklasifikasikan sebagai gangguan seksual.
- ii. Objektif 2
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Objektif 2)
- iii. Objektif 3
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Objektif 3)
- iv. Objektif 4
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Objektif 4)
- v. Objektif 5
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Objektif 5)

5. KOMPONEN PROGRAM

5.1 CADANGAN TARIKH

a. Cadangan tarikh hendaklah 2 bulan lebih **lewat** dari tarikh memohon peruntukan. Ini bagi memastikan kertas kerja yang dihasilkan benar-benar memenuhi spesifikasi dan keperluan yang telah ditetapkan.

b. Contoh:

Cadangan Tarikh:

1 September 2010 (sekiranya permohonan dibuat pada 1 Julai 2010.)

5.2 CADANGAN TEMPAT

a. Cadangan tempat hendaklah bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasar serta dapat membantu mencapai objektif pelaksanaan program. Ianya perlu mengambil kira lokasi pusat kumpulan sasar serta tidak bersifat mewah.

b. Contoh:

Cadangan Tempat:

Dewan Orang Ramai Taman Seri/Pusat Komuniti/Institusi Pendidikan>Nama Lokasi

5.3 KUMPULAN SASAR

a. Nyatakan secara khusus kumpulan sasar yang terlibat dengan program ini

b. Contoh:

Kumpulan Sasar:

Wanita yang bekerja di sektor awam dan swasta.

5.4 BILANGAN PESERTA

a. Nyatakan jumlah peserta yang terlibat.

b. Contoh:

Bilangan Kumpulan Sasar: 300 orang/1 program

Jumlah: 5 program

Jumlah Keseluruhan (5 Program): 1,500 orang

5.5 BILANGAN PROGRAM

- a. Nyatakan bilangan siri bagi program yang ingin dilaksanakan.
- b. Pihak Pertubuhan boleh menetapkan siri program yang ingin dilaksanakan. Namun begitu, pihak Urusetia akan melihat kepada faktor masa dan keupayaan pihak Pertubuhan untuk melaksanakan kesemua siri program yang dipohon.
- c. Contoh:
Bilangan Program: 5 siri program

5.6 KAEDAH PELAKSANAAN

- a. Nyatakan kaedah pelaksanaan program yang dirancang untuk dilaksanakan.
- b. lanya boleh dalam bentuk bengkel, ceramah, dialog, forum dan lain-lain.
- c. Pihak Pertubuhan tidak digalakkan untuk memohon program yang mengambil jangka masa melebihi sebulan ke atas. Ini bagi memastikan program yang dijalankan kelak memenuhi keperluan dan mencapai objektif kumpulan sasar program.
- d. Contoh:

Bil	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta	Kaedah Pelaksanaan
1.	1.9.2010	Dewan Komuniti X	300	Ceramah dan Bengkel
2.	15.9.2010	Pusat Komuniti X	300	Ceramah dan Bengkel
3.	25.9.2010	Auditorium X, Universiti X	300	Ceramah dan Bengkel
4.	30.9.2010	Pusat Komuniti X	300	Ceramah dan Bengkel
5.	1.9.2010	Dewan Orang Ramai X	300	Ceramah dan Bengkel

6. TENTATIF PROGRAM

- a. Nyatakan secara terperinci tentatif program yang akan dilaksanakan sehingga selesai.
- b. Hendaklah mengandungi butiran seperti **masa, tajuk slot/ceramah/bengkel, nama dan kelayakan akademik** setiap penceramah bagi setiap sesi.
- c. Sekiranya penceramah **tidak mempunyai sijil**, pihak Pertubuhan hendaklah mengepilkkan **resume penceramah** termasuk kepakaran dan pengalaman masing-masing.
- d. Contoh:

TENTATIF PROGRAM SEMINAR MENCEGAH, MEMBASMI DAN MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP WANITA DI TEMPAT KERJA

- Tarikh : 1 September 20XX
- Tempat : Dewan Komuniti Orang Ramai,
Kampung X, Bandar X, Negeri.
- 8.00 pagi : Pendaftaran peserta
- 8.30 pagi : Ceramah (Tajuk Slot/Ceramah/Bengkel)
Oleh: Nama Penceramah
Kelayakan Akademik
- 9.30 pagi : Ceramah (Tajuk Slot/Ceramah/Bengkel)
Oleh: Nama Penceramah
Kelayakan Akademik
- 10.30 pagi : Minum Pagi
- 11.00 pagi : Ceramah (Tajuk Slot/Ceramah/Bengkel)
Oleh: Nama Penceramah
Kelayakan Akademik

Sehingga selesai...

7. ANGGARAN PERBELANJAAN

- a. Nyatakan secara terperinci anggaran perbelanjaan yang dipohon.
- b. **PERHATIAN:** Peruntukan ini **TIDAK BOLEH** digunakan untuk tujuan **PEMBELIAN ASET** sepertimesin jahit, komputer, server, perisian komputer dan sebagainya. Ia hanya boleh digunakan untuk tujuan melaksanakan program sahaja.
- c. Contoh:

ANGGARAN PERBELANJAAN SEMINAR MENCEGAH, MEMBASMI DAN MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP WANITA DI TEMPAT KERJA

- i. Pakej Kursus Tanpa Penginapan/Pakej Kursus Beserta Penginapan
RM0 X 0 orang X 1 hari/malam : 0.00
- ii. Sewa dewan (Sekiranya dilaksanakan di dewan orang ramai/yang seumpama dengannya) RM0 x 0 hari : 0.00
- iii. Penceramah
RM0 x 0 jam : 0.00
- iv. Bahan Guna Habis
RM0 x 0 orang : 0.00
- v. Pengangkutan : 0.00

Jumlah (1 Program)	: 0.00
<hr/>	
Jumlah Keseluruhan (RM0 x 0 (bilangan program))	: 0.00

- d. Menyatakan sumber kewangan yang akan disediakan oleh:
 - i. Peruntukan Pertubuhan Sendiri;
 - ii. Sumbangan kewangan daripada sumber lain (nyatakan agensi dan jumlah peruntukan);
 - iii. Kutipan bayaran daripada peserta (jika ada); dan
 - iv. Peruntukan kewangan yang dipohon dari KPWKM.

8. FAEDAH

a. Jelaskan faedah yang akan diperolehi oleh peserta daripada program yang dianjurkan ini.

b. Contoh:

Lebih kurang 1,500 pekerja wanita yang menyertai seminar ini akan mendapat faedah seperti berikut:

- i. Memperolehi pengetahuan berkenaan gangguan seksual.
 - Pengetahuan yang diperolehi oleh peserta dapat disebarluaskan kepada rakan-rakan mereka. Jaringan pengetahuan juga dapat diperluaskan kepada pekerja wanita yang tidak mempunyai peluang untuk menghadiri seminar seperti ini.
- ii. Faedah 2
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Faedah 2)
- iii. Faedah 3
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Faedah 3)
- iv. Faedah 4
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Faedah 4)
- v. Faedah 5]
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Faedah 5)
- vi. Faedah 6
 - (Jelaskan dengan lebih lanjut berkenaan Faedah 6)

9. KESIMPULAN

a. Menjelaskan bagaimana pihak Pertubuhan boleh membantu Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan kepada kumpulan sasaran melalui program-program yang dilaksanakan.

b. Contoh:

Seminar Mencegah, Membasmi dan Menangani Gangguan Seksual Terhadap Wanita di Tempat Kerja merupakan program yang dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat dan (Nama Pertubuhan). Melalui seminar seperti ini, pengetahuan dan kesedaran berkenaan gangguan seksual dapat disebarluaskan kepada masyarakat secara amnya dan pekerja wanita secara khususnya.